

# Tindakan PM bijak

BH-29/11/2007

## Abdullah lebihutamakan RMK-9, bukan jawab tuduhan

Oleh Azman Zakaria

**K**UALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan tindakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk terus melakukan apa yang perlu dilakukannya dan tidak gusar tindakan sesetengah pihak memperlecehkan beliau selagi sokongan majoriti memihak kepadanya, sebagai langkah bijak yang menunjukkan kematangannya.

Mereka menyatakan Perdana Menteri lebih mengutamakan pelaksanaan pelbagai program yang dirancang untuk kesejahteraan rakyat dan tidak mahu ia terjejas sekiranya mengalih pandangan melayan pihak yang memperlecehkan beliau itu.

Presiden Persatuan Pengerak Pembangunan Komuniti Malaysia (Macom), Norizan Sharif, berkata serangan peribadi tidak perlu dilayan kerana ia akan membuang masa saja dan akan mengelirukan rakyat kerana itulah sebenarnya yang dimahukan pihak terbabit itu.

“Tumpu kepada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk memastikannya berjaya. Jawapan un-

tuk pihak yang memperlecehkan itu bukan dibuat kerajaan dalam bentuk bertikam lidah atau berbahas.

“Jawapannya adalah dalam bentuk hasil yang dinikmati daripada kejayaan program pembangunan yang dilaksanakan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Perdana Menteri dalam temu bual eksklusif yang disiarkan *Berita Minggu* semalam berkata, pihak yang memperlecehkannya hanya mahu memperbesarkan apa saja yang mereka nampak tidak elok pada mereka, dan pengendali blog atau laman web menggunakan kesempatan membuat pelbagai cerita.

Bagaimanapun, kata beliau, perhatiannya sekarang adalah menayakan RMK-9 dan yakin negara berada di landasan betul dan bergerak maju dengan pertumbuhan ekonomi yang baik.

Abdullah juga menyangkal tanggapan bahawa penekanan kerajaan terhadap pertanian sebagai kembali ke belakang kerana perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkaitan pertanian kini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyara-

kat luar bandar.

Norizan berkata, pertanian kembali ke belakang adalah jika amalan 50 tahun lalu dalam pertanian dilaksanakan sekarang tetapi yang dilakukan kini ialah memberi nilai tambah tinggi kepada sektor itu melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi yang mendatangkan hasil lebih tinggi serta mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif, pula berkata tindakan

“**Jawapannya adalah dalam bentuk hasil yang dinikmati daripada kejayaan program pembangunan yang dilaksanakan**”

Norizan Sharif  
Presiden Macom

tidak gusar dan tidak melayan pihak yang memperlecehkan itu memperlihatkan kematangan dan kebijaksanaan Abdullah.

“Dengan demikian Perdana Menteri tidak akan masuk perangkap mereka yang berhasrat hendak mengalihkan tumpuannya. Itulah kekuatan Pak Lah... merancang dan melaksanakannya,” katanya.

Beliau berkata, tumpuan kepada sektor pertanian adalah penting bukan saja kerana langkah itu bererti masyarakat luar bandar tidak dipinggirkan, malahan yang lebih penting adalah dari segi faktor keselamatan negara.

Pengerusi Akademi Belia, Datuk Saifuddin Abdullah, pula berkata Perdana Menteri tidak perlu risau dengan usaha pihak yang memperlecehkan beliau kerana Malaysia berada di landasan yang betul dan bergerak maju dengan sokongan padu rakyat.

“Sektor pertanian bukan soal makanan saja tapi juga aspek keselamatan kerana ia berkaitan bekalan makan yang cukup... keselamatan bukan bererti senjata saja,” katanya.